



TUGAS sebagai jurulatih rekrut di Port Dickson pada 1950.



# HUJAN PELURU BAKAR SEMANGAT

Veteran tentera imbau operasi memburu pengganas komunis

ARTIKAL METRO (16/09/2021) M/S 16

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
 saufi@mediapri-  
 ma.com.my

Kuala Lumpur

Pernah dikepong dalam Operasi Bukit Bahau untuk menjejaki serta menghapuskan gerakan komunis ketika era kekejaman gerakan berkenaan sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Itu adalah peristiwa yang tidak mungkin dilupakan



Pasukan Force 136 'Wataniah' bergambar bersama...  
 Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Prahang pada tahun 1942...  
 ialah Sgt H). Alias Bin Endut dan Sheikh Husin Sheikh Jaafar  
 DP - HBU

**1948**  
 Tahun Sheikh Hussin mula menyertai Askar Melayu ketika berusia 22 tahun

mencari jalan untuk bangkit menyerang.  
 "Susah ingin diceritakan perasaan ketika itu, macam-macam perasaan timbul apabila nampak rakan saya cedera ditembak, selepas itu umpama naik semangat kami

berapa pingat lain.  
 Beliau menyertai Askar Melayu pada 11 Oktober 1948 ketika berusia 22 tahun dan berkhidmat selama tujuh tahun sebelum menamatkan perkhidmatan pada 1 November 1955.  
 Sebelum memasuki perkhidmatan Askar Melayu, Sheikh Hussin adalah anggota tentera Force 136 dan pernah melalui detik-detik cemas bersembunyi di lereng-keresan askar Jepun.  
 Menurutnya, harga sebuah kemerdekaan ini besar dan

apabila terpaksa berlindung di sebalik pokok serta batu selepas diserang bertalu-talu oleh sekumpulan komunis ketika melaksanakan operasi berkenaan.

Peristiwa berbalas tembakan dengan pasukan komunis itu menjadi pengalaman berharga buat lelaki ini yang menabur bakti untuk pertiwi tanpa mengenal erti ketakutan.

Usaha bakti lelaki ini tidak perlu lagi dipersoalkan apabila sanggup menggadaikan

nyawa hanya untuk melihat nusa ini bebas daripada sebarang ancaman serta merdeka mengikut acuan sendiri.

Koperal (B) Sheikh Hussin Sheikh Jaafar, 96, berkata, setiap memori ketika masih berkhidmat di dalam tentera kekal utuh dalam ingatan dan sentiasa menjadi pesanan kepada generasi akan datang.

Menceritakan semula peristiwa itu, Sheikh Hussin berkata, dia dan pasukannya

ditugaskan untuk menjejaki komunis dan Operasi Bukit Bahau dilaksanakan untuk membanteras gerakan kumpulan militan itu.

"Ketika sampai di satu kawasan, pasukan kami tersempak dengan musuh (komunis) dan berbalas tembakan. Kami terpaksa duduk berlindung di sebalik pokok dan batu.

"Ketika itu, boleh kedengaran bunyi peluru melintasi kiri dan kanan, hanya tawakal kepada Tuhan saja selain

umpama naik semangat kami untuk berjuang.

"Alhamdulillah, ketika peristiwa itu pasukan kami bangkit melawan tentera komunis dan akhirnya berjaya menahan dua anggota kumpulan berkenaan," katanya.

Atas sumbang baktinya, Sheikh Hussin menerima beberapa anugerah antaranya Pingat Perkhidmatan Am (PPA), Pingat Perkhidmatan Setia (PPS), Pingat Jasa Malaysia (PJM), Pingat Setia Sentiasa Berjuang (PSSB) dan be-

kemerdekaan ini besar dan mengharapkan bahawa generasi kini serta akan datang menghayati perjuangan generasi terdahulu.

"Kita membayar harga kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran ini dengan darah, perjuangan dan air mata.. Saya harap kita dapat memenuhi makna kemerdekaan itu selain menghayatinya," katanya.



Gambar yang Di ambil di Lapangan Terbang Patong di batu 3 1951, hari ini dikenali sebagai Kem Tentera Batu 3, Jalan Temerloh, Mentakab. Waktu itu Sheikh Hussin selaku L/CPL 4516, Ketua Guard Kapal Terbang Patong Ingeris. Yang Bertanda x.



SHEIKH Hussin ditemani isteri Ramlah Imam ketika menerima anugerah mengenang jasanya.

SHEIKH Hussin menceritakan semula situasi cemas ketika Operasi Bukit Bahau bagi memburu sekumpulan anggota komunis.

“

datang apabila nampak rakan saya cedera ditembak  
Sheikh Hussin



This certificate is awarded to  
*Sheikh Hussin B. Sh. Jassaf*  
as a token of gratitude for and  
appreciation of the help given to  
the Sailors, Soldiers and Firmen  
of the British Commonwealth  
which assisted them in  
the execution of their duties in  
the war against Japan.



1941-1945

*Wesley M. Donald*  
Governor-General

